

BAB_4

AGAMA TRADISIONAL, AGAMA ISLAM DAN AGAMA KRISTIAN (KHUSUSNYA ALIRAN ROMAN KATOLIK) DALAM KUMPULAN KADAZAN/DUSUN

4.0 PENDAHULUAN

Pada umumnya sebelum 1950an, masyarakat Kadazan/Dusun masih mengamalkan kepercayaan tradisional. Di beberapa kawasan seperti kawasan Papar dan Penampang, missionari-missionari Kristian telah mula menapak disitu sejak awal 1900 manakala dikawasan Pantai Timur agama Islam mula tersebar dikalangan masyarakat Kadazan/Dusun pada abad kel 5 tetapi terhad kepada orang perseorangan dan suku-suku yang bergaul rapat dengan etnik Melayu yang terdapat di pesisir kawasan Pantai Timur Sabah. Sementara kawasan pedalaman hampir keseluruhan Kadazan/Dusun masih berpegang kepada kepercayaan Tradisional.

4.1 KEPERCAYAAN AWAL

Kepercayaan Tradisional kumpulan Kadazan/Dusun menurut beberapa pendapat adalah satu bentuk kepercayaan animisme yang selalu dikaitkan dengan sistem kepercayaan masyarakat primitif. Menurut Norazit Selat (1989:5) bahawa konsep animisme merujuk kepada kepercayaan masyarakat primitif iaitu setiap bentuk semulajadi alam yang ganjil dianggap mempunyai semangat dan kuasa luarbiasa disifatkan sebagai tuhan yang sangat berpengaruh dalam setiap kehidupan mereka. Definisi ini diperkuatkkan lagi dalam tulisan Ivor H.N. Evans (1922:152) bahawa (diterjemahkan oleh penulis) agama

orang Dusun adalah animisme, mereka mempercayai semua objek, iaitu samada benda hidup atau tidak hidup mempunyai semangat. Ia terdapat didalam hutan, air, keadaan luarbiasa dan lain-lain lagi.

Berdasarkan kepada definisi animisme diatas, kepercayaan tradisional Kadazan/Dusun Ranau mempunyai kebenaran tetapi tidak semua kenyataan tersebut sesuai bagi merujuk kepada kepercayaan tradisional kumpulan Kadazan/Dusun. Oleh itu penulis sedikit sebanyak menghuraikan sistem kepercayaan mereka yang diwarisi sejak turun temurun daripada nenek-moyang. Pengetahuan tentang sistem kepercayaan kumpulan ini adalah melalui sosialisasi sejak dari kecil lagi dan generasi yang telah disosialisasikan tersebut masih ramai sehingga sekarang generasi pada masa kini mendapat pengetahuan tentang sistem kepercayaan tradisional melalui cerita yang telah menjadi metos, yang disampaikan melalui ibu bapa atau datuk nenek mereka dan daripada golongan bobolian yang mengamalkan kepercayaan tradisional yang sehingga pada masa kini bilangan mereka semakin berkurangan kerana bertukar agama atau meninggal dunia.

Kumpulan Kadazan/Dusun pada keseluruhannya mempercayai bahawa Tuhan mereka satu sahaja iaitu Kinorohingan yang amat berkuasa (Arena Wati, 1978:7 - 9). Menurut orang Ranau Kinorohingan berkuasa pada alam semesta dan tinggal diatas. Namun begitu terdapat beberapa variasi tentang kosmologi kepercayaan tradisional kumpulan Kadazan/Dusun yang terdapat

dalam berbagai versi mengikut pembawaan setiap suku dalam kumpulan Kadazan/Dusun telah menimbulkan persoalan dalam mengkaji sistem kepercayaan mereka. Variasi tersebut adalah berkenaan dengan isteri **Kinorohingan**. Terdapat versi dimana dipercayai bahawa **Kinorohingan** mempunyai isteri, tetapi menurut orang Ranau²³, **Kinorohingan** tidak mempunyai isteri. Menurut beberapa versi, **Kinorohingan** mempunyai isteri yang bernama **Yumun** atau **umun** (Arena Wati, 1978:8) manakala dalam tulisan Yap Beng Liang (1982:10) bahawa isteri **Kinorohingan** bernama **Sumundok** atau **suminunduk** dan menurut Herman J. Luping (Sabah Times, Saturday, Nov. 1963) iaitu **suminundu**. Perbezaan nama ini adalah disebabkan oleh kepelbagaiannya dialek dan bahasa yang digunakan dalam setiap suku dan tambahan pula pengetahuan tentang sistem kepercayaan tradisional disebarluaskan dalam bentuk lisan yang tidak dapat lari daripada unsur tokok tambah. Namun begitu peranan isteri **Kinorohingan** adalah tidak begitu penting dalam kewujudan Tuhan kumpulan Kadazan/Dusun, oleh itu ada dikalangan mereka tidak menyedari **Kinorohingan** mempunyai isteri.

Selain daripada itu menurut beberapa versi, **Kinorohingan** mempunyai beberapa orang anak yang juga berlainan nama mengikut setiap suku yang terdapat dalam kumpulan Kadazan/Dusun, tetapi menurut orang Ranau **Kinorohingan** adalah hidup bersendirian tanpa anak dan isteri. Menurut orang Ranau terdapat dua kuasa yang

23 Beberapa temuramah dengan bobolian yang terdapat diketiga-tiga kawasan kajian didaerah Ranau.

bertentangan wujud dalam kehidupan tradisional mereka iaitu kuasa kebaikan dan kuasa kejahatan. Kuasa kebaikan tersebut iaitu **minomorun** atau **memerun** atau **gompemerun** yang berkuasa terhadap bumi dan setiap didalamnya. Walaupun **memerun** adalah kuasa kebaikan namun ia boleh menghukum dan memberi peringatan kepada manusia supaya tidak melanggar hukum-hukum adat dan bersikap berhati-hati dalam setiap aktiviti hidup kumpulan Kadazan/Dusun. Ini dapat dilihat dimana pada bulan Jun 1991, beberapa gegaran bumi telah berlaku di Pantai Barat Sabah dan paling kuat gegaran bumi berlaku di daerah Ranau (ukuran 5.1 rectar) yang dikatakan dilakukan oleh **memerun** untuk memberi peringatan kepada manusia supaya menghentikan kejahatan mereka seperti kegiatan perlombongan dan penerokaan yang semakin menghampiri kawasan Gunung Kinabalu²⁴.

Kuasa kejahatan pula dikenali sebagai **Rogon**, ia memberi keburukan dan kemusnahan kepada manusia. Oleh itu orang Kadazan/Dusun sepatutnya menghindarkan daripada **Rogon**. Selain daripada itu terdapat kuasa kebaikan dan keburukan yang lebih kecil dan mempunyai nama yang berbagai-bagai²⁵. Kuasa-kuasa tersebut wujud dalam bentuk hantu atau makhluk halus.

Berbalik kepada kepercayaan animisme, kumpulan Kadazan/Dusun Ranau mempercayai bahawa hidupan dan benda yang terdapat di dunia mempunyai semangat. Namun begitu tidak

²⁴ Gunung Kinabalu adalah gunung yang suci dalam kepercayaan tradisional kumpulan Kadazan/Dusun.

²⁵ Lihat Arena Wati (1978).

semua hidupan dan benda tersebut mempunyai semangat, hanya hidupan dan benda seperti pokok-pokok, batu-batu dan lain-lain lagi dikatakan mempunyai semangat apabila ia memberi kesan yang tidak baik atau penyebab keburukan kepada manusia. Benda dan hidupan yang luarbiasa dipercayai mempunyai semangat namun begitu tidak semua objek-objek luarbiasa tersebut disembah. Misalnya batu yang kelihatan menakutkan dan bersaiz besar tidak semestinya mempunyai semangat dan kadangkala objek yang biasa misalnya batu yang bersaiz biasa juga mempunyai semangat. Oleh itu untuk mengetahui samada objek-objek tersebut mempunyai semangat, seseorang harus berhati-hati dan meminta pendapat daripada orang yang lebih berpengalaman seperti **bobolian** dan orang yang lebih dewasa.

Apabila sesuatu tempat atau objek telah dikenalpasti mempunyai semangat, upacara ritual akan diadakan yang biasanya akan disemah dengan bahan makanan manusia seperti korban binatang ternakan. Upacara ritual itu diadakan bertujuan menghalau semangat tersebut daripada tempat tersebut dan juga memastikan semangat tersebut tidak mengganggu hidup manusia. Upacara ritual tersebut dilakukan oleh **bobolian** atau sekumpulan **bobolian**. Namun begitu terdapat juga dikalangan masyarakat Kadazan/Dusun yang mempercayai bahawa terdapat beberapa objek tertentu yang menjadi **tinolig** atau penjaga yang menjaga dan membawa kebaikan kepada kehidupan manusia. Objek-objek tersebut seperti **patod** iaitu sebatang pokok besar yang dikelilingi

oleh serumpun pokok buluh yang disemah setiap beberapa tahun sekali iaitu bergantung kepada budi bicara bobolian. Semangat-semangat yang wujud dalam objek-objek yang dikenal pasti mempunyai semangat, tidak semestinya terdiri daripada semangat yang jahat tetapi juga mempunyai semangat yang baik namun begitu ^{baik} semangat tersebut akan bertindak terhadap manusia apabila pantang larang dilanggar oleh manusia, justeru itu manusia mesti mengambil hati semangat tersebut.

Pada keseluruhannya ritual-ritual diadakan untuk menghalau semangat jahat, mengucap kesyukuran kepada kebaikan yang diperolehi dan mengambil hati semangat supaya tidak mengganggu tetapi sebaliknya menjaga manusia. Ritual-ritual hanya diadakan sekali sahaja untuk menghalau semangat jahat yang tidak membawa kebaikan tetapi ritual diadakan beberapa kali atau berterusan atau hanya perlu dalam keadaan terdesak untuk mengambil hati semangat yang membawa kebaikan.

Kewujudan sistem kepercayaan tradisional seumpama ini telah menyebabkan masyarakat Kadazan/Dusun Ranau mempercayai bahawa mereka seharusnya berhati-hati antara hubungan mereka dengan alam semesta dan hubungan sesama mereka. Hasil daripada keimbangan dan sifat hati-hati wujud pantang larang dan adat yang telah menjadi norma dan nilai dalam kehidupan masyarakat Kadazan/Dusun seterusnya hukuman dikenakan kepada sesiapa yang melanggar norma dan nilai tersebut dalam bentuk sogit²⁶ dan lain-lain bentuk hukuman

²⁶ Sogit adalah denda yang berbentuk binatang ternakan dan wang kepada pesalah.

samada daripada manusia atau kinorohingan. Pada masa kini terdapat institusi yang lebih formal iaitu ketua kampung dan mahkamah anak negeri untuk mengadili dan menghukum pesalah.

Kepercayaan kepada pembalasan baik dan buruk atas perbuatan manusia daripada kinorohingan telah melahirkan kepercayaan kepada syurga dan neraka²⁷ kumpulan Kadazan/Dusun mempercayai bahawa apabila mereka mati rusod atau roh mereka terlebih dahulu akan menuju kepuncak Gunung Kinabalu dan seterusnya menuju ke alam lain iaitu syurga untuk orang-orang yang baik dan neraka untuk orang yang jahat.

Sehingga masa kini masih terdapat kumpulan Kadazan/Dusun yang masih mengamalkan tradisi yang diwarisi sejak daripada nenek moyang mereka. Tradisi tersebut meliputi adat beranak, meguru, kahwin dan bersemenda, mintarom atau sumbang, kematian, hukum adat dan lain-lain lagi. Namun begitu terdapat beberapa tradisi kumpulan Kadazan/Dusun telah ditinggalkan atau mendapat tentangan daripada ajaran-ajaran agama baru (akan dibincangkan seterusnya).

Daripada keseluruhan diatas sistem kepercayaan tradisional Kadazan/Dusun walaupun mempunyai ciri-ciri animisme tetapi terdapat juga unsur-unsur ketuhanan yang hampir sama dengan agama besar yang lain. Menurut Arena Wati (1978:8) orang-orang Kadazan/Dusun sebenarnya menganut agama polytheis tetapi kerana tidak mempunyai Aksara menyebabkan

²⁷ Lihat juga Arena Wati (1978:7).

doa dalam upacara sembahyang atau mantera dalam upacara memuja, fungsi telah bercampur aduk misalnya mantera memuja telah bercampur aduk dengan mantera istiadat dan lain-lain lagi. Mantera-mantera ini dituturkan dalam bahasa klasik orang-orang Kadazan/Dusun dimana pada masa sekarang, bahasa tersebut sukar difahami jika tidak diamati secara mendalam. Orang yang dapat memahami bahasa dan istilah dalam mantera itu secara sempurna ialah orang-orang yang sudah mencapai taraf **bobolian** yang layak ditauliahkan. Pada masa sekarang golongan **bobolian** semakin berkurangan akibat daripada kedatangan agama monotheis serta pengaruh-pengaruh luar dan ketiadaan pengganti daripada golongan muda. Pada masa kini sebahagian adat-adat dan tradisi kumpulan Kadazan/Dusun telah dianggap lapuk dan ketinggalan zaman. Oleh itu pada masa kini generasi muda pada keseluruhannya telah menerima budaya luar manakala sebilangan golongan tua masih mengamalkan sistem kepercayaan tradisional. Namun begitu pertembungan antara sistem kepercayaan tradisional dengan kepercayaan lain telah memberikan kesan kepada masyarakat Kadazan/Dusun khususnya di daerah Ranau (akan dibincangkan seterusnya).

4.2 AGAMA ISLAM DI SABAH

Terdapat banyak teori tentang kedatangan dan tarikh kedatangan Islam ke Sabah. Dipercayai kedatangan Islam bermula secara beransur-ansur semasa Sabah dibawah penguasaan kerajaan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu.

Pada umumnya kerajaan kesultanan Brunei menguasai sebahagian besar kawasan Pantai Barat Sabah manakala kekuasaan kerajaan kesultanan Sulu meliputi kawasan Pantai Timur Sabah. Namun begitu peristiwa-peristiwa tersebut tidak mempunyai hubungkait dengan kewujudan masyarakat Sabah diabad moden ini tetapi hasil daripada peristiwa-peristiwa sejarah inilah yang telah membentuk satu masyarakat penduduk negeri Sabah yang bertamaddun dan mempunyai identiti tersendiri.

Kedatangan Islam ke Sabah dicatatkan setelah terjumpa beberapa manuskrip asal dalam bahasa Idahan²⁸ dari Lahad Datu yang bertarikh 1408. Manuskrip ini berkaitan dengan seseorang bernama Idahan yang memeluk agama Islam dalam tahun 1408 yang bernama Abdullah telah diislamkan di Teluk Darvel oleh Makhdum yang telah membawa Islam masuk ke Sulu beberapa waktu sebelum itu. Peristiwa ini merupakan tempoh permulaan Islam diterima oleh penduduk tempatan. Jika diteliti, perkara ini sukar dinafikan kerana faktor kedekatan antara Pantai Timur Sabah dengan Kepulauan Sulu di Filipina (Ismail Mat, 1989:61 - 62).

Kedatangan Islam kekawasan Pantai Barat Sabah seperti Weston, Kuala Penyu, Sipitang, Membakut dan Papar dipercayai menerima Islam melalui Kerajaan Brunei seawal-awalnya pada akhir abad ke-15 atau awal abad ke-16. Rumusan ini berdasarkan kepada hubungan antara kerajaan kesultanan Brunei dengan kawasan Pantai Barat Sabah yang banyak ditulis oleh penulis-penulis Arab, Cina dan Sepanyol semasa mereka

28 Idahan adalah satu kumpulan masyarakat yang menjadi sebahagian kumpulan Kadazan/Dusun.

melawat Brunei (Harrison, Tom & Barbara, 1969 - 1970:227). Perkara ini dapat dibuktikan melalui faktor kedekatan antara Brunei dengan Sabah iaitu telah memudahkan penghijrahan orang-orang Islam dari Brunei ke Sabah dan seterusnya menyebabkan agama Islam disebarluaskan kepada penduduk tempatan di negeri itu. Ini terbukti dengan terdapatnya segolongan besar orang-orang keturunan Brunei yang tinggal di Sabah hingga hari ini. Mereka dikenali sebagai orang-orang Islam asal dan merupakan penduduk majoriti dibeberapa kawasan perkampungan orang-orang Islam di negeri ini seperti Papar, Sipitang, Membakut, Menumbuk dan lain-lain kawasan terutamanya daripada suku kaum Bisaya (Ismail Mat 1989:63)

Penerimaan Islam dalam masyarakat di Sabah selalu dikaitkan dengan kegiatan golongan sufi yang memainkan peranan penting dalam penyebaran awal Islam ke negeri ini. Golongan sufi adalah golongan ulama yang mempunyai keistimewaan terutama dari segi kerohanian. Pada umumnya golongan ini dikatakan keramat dan dikagumi dan dihormati serta mendapat tempat dalam jiwa orang-orang Islam dan juga golongan selain Islam terutamanya yang beragama animisme di Sabah. Unsur-unsur kerohanian yang dibawa oleh golongan sufi dikatakan menjadi tarikan kepada masyarakat simple yang mempunyai hubungan erat dengan unsur-unsur alam semula jadi. Masyarakat animisme adalah masyarakat yang mempercayai dan mengagumi kuasa ghaib, dan kejadian-kejadian luarbiasa. Kepercayaan seumpama ini memudahkan keyakinan serta rasa kagum terhadap keistimewaan yang ada pada golongan sufi

tersebut. Fenomena ini adalah berkaitan dengan kedatangan dan penerimaan Islam dikalangan kumpulan Kadazan/Dusun di daerah Ranau.

4.3 KEDATANGAN AGAMA ISLAM DI DAERAH RANAU

Penerimaan agama Islam dikalangan kumpulan Kadazan/Dusun di Daerah Ranau telah bermula pada tahun 1980 an. Pada masa itu agama Islam telah diterima oleh sebilangan kecil sahaja penduduk Ranau. Penerimaan agama Islam semakin pesat pada akhir 1940 an dan 1950 an. Pada permulaan penerimaan Islam, hanya sebilangan kecil yang menganut agama tersebut yang berasal dari berbagai kampung seperti kampung Ratau, Keranaan, Tegudon, Kundaasang, Randagong dan beberapa kampung kecil. Bilangan mereka adalah terlalu kecil jika dibandingkan pada hari ini, misalnya dalam setiap kampung tersebut hanya terdapat dua atau tiga orang sahaja yang menerima agama Islam sementara yang lain masih tetap dengan agama tradisional. Namun selepas akhir 1960an hampir semua penduduk di kampung-kampung tersebut beragama Islam. Sekarang, kampung tersebut menjadi kawasan majoriti orang Islam.

Penerimaan awal agama Islam dikalangan kumpulan Kadazan/Dusun Ranau bermula apabila beberapa orang daripada berbagai kampung yang terletak di kawasan Sarayo terutamanya daripada kampung Ratau, Keranaan, Tegudon dan beberapa kampung lagi mencari pekerjaan sebagai buruh di ladang-ladang getah dan lain-lain pekerjaan di sekitar Api-Api

(Kota Kinabalu) seperti Putatan, Menggatal dan kawasan antara Inanam dan Telipok pada hari ini. Dalam satu kawasan ladang getah yang dikenali sebagai Lobou (terletak disekitar Menggatal), terdapat seorang mandur ladang getah yang berasal daripada Indonesia yang bernama Sharif (nama beliau yang sebenarnya ialah Raden Adini Wata) dan lebih dikenali sebagai Imam Borok oleh orang Ranau. Beliau telah berjaya mengislamkan beberapa kumpulan orang daripada kumpulan Kadazan/Dusun yang berasal daripada Ranau. Penerimaan Islam oleh beberapa orang tersebut adalah disebabkan oleh keistimewaan dan keunikan yang ada pada Imam Borok iaitu beliau mempunyai ilmu yang tinggi. Selain daripada itu, beliau juga mempunyai kebolehan untuk menyembuhkan penyakit dan buatan orang. Beberapa orang Ranau tersebut tertarik dengan keistimewaan yang ada pada Imam Borok dan seterusnya mempelajari ilmu tersebut yang banyak berkaitan dengan agama Islam. Akhirnya beberapa orang tersebut telah memeluk agama Islam dan nama mereka telah ditukar kepada nama Islam. Mereka terdiri daripada Haji Ruman Limbogot, Haji Mohd. Ali Andalis, Nurudin Limpukan dan beberapa orang lagi.

Sebagai generasi pertama yang memeluk Islam pada sekitar tahun 1930an mereka telah membawa dan memperkenalkan agama tersebut kedalam masyarakat kampung mereka yang masih berpegang teguh kepada kepercayaan tradisional. Kepulangan mereka telah disambut baik bukan kerana agama Islam yang mereka anuti tetapi kerana mereka dianggap orang yang telah berpengalaman tentang hal-hal luar. Sehingga kini mereka

informasi oleh penduduk Ranau kerana keistimewaan yang dipelajari daripada imam bonok. Terdapat sebilangan yang menganggap bahawa Imam Bonok adalah seorang ahli sufi yang telah berhijrah ke Sabah untuk menyebarkan Islam.

Generasi pertama yang memeluk Islam menyebarkan agama Islam kepada masyarakat ditempat mereka dan seterusnya menjemput beberapa orang imam yang terdiri daripada orang Banjar seperti Imam Raden Wira iaitu pembantu Imam Bonok datang ke Ranau. Akhirnya dalam sekitar akhir 1930an hingga akhir 1940an penganut Islam semakin ramai dimana dikatakan penduduk kampung Keranaan, Ratau dan Tegudon hampir separuh telah memeluk Islam.

Perkembangan agama Islam di Ranau telah mendapat perhatian daripada beberapa orang muda dimana mereka telah pergi belajar agama Islam di luar kawasan Ranau. Mereka telah belajar Islam dari beberapa orang Ustaz yang berasal dari Indonesia seperti Ustaz Saman pada sekitar akhir tahun 1940an dan awal 1950an. Mereka terdiri daripada generasi kedua yang mendapat pendidikan Islam dengan lebih tertatur dan mendalam. Antara generasi kedua yang terkenal ialah seperti En. Ariffin yang berasal daripada kampung Libang, En. Amir (En. Ariffin yang berasal daripada kampung Libang, En. Amir dan Haji Hamid Kinsiron daripada kampung Linkudou Sabali dan Haji Suratman dan En. Lassim yang (masal Bundu Tuhan), Haji Suratman dan En. Lassim yang berasal daripada kampung Paka II dan lain-lain lagi. Kumpulan ini telah diberi tugas sebagai imam dan mengajar agama kebeberapa kawasan di Ranau. Misalnya En. Ariffin di tugaskan di kampung Libang, En. Amir dan En. Lassim di kampung

Jangkau dan Randagong dan Haji Suratman di kampung Kinarasan manakala En. Hamid Kinsiron sebagai imam pekan Ranau.

Selain daripada kedua-dua generasi yang disebutkan diatas terdapat juga ustaz-ustaz yang berbangsa Samah (Bajau) telah dijemput oleh penduduk Ranau khususnya di kawasan Kundasang untuk mengajar dan mengislamkan penduduk Kundasang tentang agama Islam seperti belajar sembahyang, mengaji dan lain lain lagi. Pada tahap ini iaitu pada tahun 1950an hingga akhir 1960an merupakan kemuncak kepada penyebaran Islam di daerah Ranau dimana hampir keseluruhan penduduk Randagong dan sekitar kg. Keranaan, kg. Ratau, kg. Tegudon Lama, Kundasang dan sekitarnya, kg. Linkudou, kg. Libang, kg. Paka II, kg. Silu, kg. Kigiok dan sekitarnya telah memeluk Islam. Penduduk Islam semakin bertambah apabila beberapa kawasan penempatan baru dibentuk disekitar Pekan Ranau seperti kg. Tegudon Baru, kg. Lohan, kg. Kituntul Baru dan beberapa kawasan lagi yang mana pada masa ini menjadi kawasan yang paling padat penduduk di daerah Ranau.

Selepas kemerdekaan Sabah melalui Malaysia pada 16hb. September 1963 dan sehingga tahun 1970an kemasukan ustaz-ustaz daripada Semenanjung Malaysia dan daerah lain telah datang sebagai tenaga pengajar di sekolah-sekolah terutamanya mengajar dalam matapelajaran agama Islam akibat perkembangan dan pertambahan sekolah-sekolah di daerah Ranau. Kekurangan tenaga pengajar yang mendapat pendidikan formal dikalangan penduduk Ranau menyebabkan

golongan tersebut semakin bertambah iaitu setiap sekolah sekurang-kurang mempunyai seorang ustaz atau ustazah dari golongan ini. Namun begitu peranan mereka terhad kepada mengajar matapelajaran agama Islam di sekolah-sekolah dan peranan mereka diluar sekolah agak terhad kerana pergaulan mereka dengan penduduk tempatan adalah kurang.

Sejak daripada tahun 1967 hingga 1975 parti USNO (United Sabah National Organization) yang memerintah Sabah telah mengambil peranan penting mengislamkan penduduk Sabah melalui penubuhan USIA (United Sabah Islamic Association). Pada peringkat ini tumpuan utama adalah mengislamkan penduduk Ranau yang belum beragama Islam atau masih berpegang kepada kepercayaan tradisional atau belum beragama. Setelah kejatuhan kerajaan kerajaan USNO, kerajaan BERJAYA (Bersatu Rakyat Jelata Sabah) telah mengambil alih peranan mengislamkan penduduk Ranau daripada USIA dengan menukuhkan MUIS (Majlis Agama Islam Sabah). Dasar pengislaman BERJAYA melalui MUIS iaitu menambahkan bilangan penganut Islam dikalangan penduduk Ranau yang belum beragama. Setelah kerajaan PBS (Parti Bersatu Sabah) memerintah dalam tahun 1985, dasar MUIS pada masa kini ialah menanamkan dan menambahkan pengetahuan Islam dikalangan penduduk Islam yang sedia ada. Tumpuan MUIS telah berubah daripada mengislamkan penduduk yang tidak beragama kepada mengukuhkan ajaran Islam.

Pada tahun 1980an beberapa kumpulan telah muncul didaerah Ranau seperti ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia),

DARUL ARQAM, PAS (Parti Islam Sa-Melayu/Pan-Malayan Islamic Party) dan beberapa lagi kumpulan Islam telah bertindak sebagai pengukuh ajaran Islam. Darul Arqam telah muncul di daerah Ranau pada sekitar pertengahan 1980an hingga sekarang. Ahli-ahli kumpulan tersebut terdiri daripada orang Ranau sendiri yang menyebarkan Islam melalui identiti mereka seperti pakaian dan lain-lain lagi. Kumpulan ini juga telah menubuhkan sebuah sekolah Arqam di Ranau. Kemunculan ABIM, PAS dan lain-lain lagi bermula pada akhir 1980an hingga masa kini yang dibawa oleh guru-guru daripada Semenanjung Malaysia. Ahli-ahli kumpulan ini adalah daripada kalangan guru-guru dan pelajar sekolah. Kemunculan kumpulan tersebut lebih cenderung kepada memperkenalkan fahaman-fahaman mereka di kalangan guru-guru dan pelajar sekolah yang beragama Islam daripada menyebarkan Islam di kalangan penduduk yang belum beragama.

4.3.1 PENYEBARAN, PENERIMAAN DAN RINTANGAN DALAM MEMPERKEMBANGKAN AGAMA ISLAM

Penyebaran Islam mula-mula dibawa oleh golongan sufi yang sangat berpengaruh menyebarkan agama Islam keseluruh Rantau Asia Tenggara, mereka bergerak diseluruh ceruk Rantau Asia Tenggara dalam berbagai-bagi cara seperti menjadi pengembara, pedagang dan ada dikalangan mereka yang menjadi pekerja buruh. Mereka membawa bersama pengetahuan tentang Islam dan ilmu-ilmu kehidupan yang luarbiasa. Kebolehan mengubat penyakit dan lain-lain keistimewaan telah menjadi

daya penarik utama bagi kumpulan Kadazan/Dusun mengaduk agama Islam. Walaupun kumpulan Kadazan/Dusun Ranau telah mengadakan hubungan perdagangan dengan suku Samah yang terdapat di sekitar kawasan Pantai barat Sabah tetapi agama Islam tidak mendapat perhatian daripada penduduk Ranau. Tidakstakan perhubungan perdagangan antara Ida'an atau Idan²⁹ dengan suku Samah yang beragama Islam telah terjalin sejak setelah kedatangan Chartered Company di Sabah sehingga pekan Ranau wujud pada sekitar akhir tahun 1920an. Kesaduan ini disebabkan oleh hubungan yang terhad kepada perdagangan sabaja tanpa melibatkan hubungan lain. Selain daripada itu, disebabkan oleh sikap kedua-dua golongan tersebut masih kuat mengamalkan kepercayaan mereka tanpa saling mempengaruhi antara satu sama lain.

Penyebaran Islam oleh Raden Adiniwata kepada kumpulan Kadazan/Dusun Ranau di Lobou bermula setelah wujud hubungan antara mereka. Sebagai mandur disamping kebolehan istimewa beliau telah berjaya mengislamkan orang-orang dibawah jagaannya. Kebolehan beliau dari segi kebatinan telah mendorong orang-orang dibawah jagaannya belajar daripada beliau. Hubungan ini memudahkan penyebaran Islam disamping memberi syarat untuk masuk Islam apabila belajar ilmu-ilmu rebatinan daripada beliau. Kebolehan beliau telah menjadi daya penarik kepada kumpulan Kadazan/Dusun yang memang mempunyai sifat kagum terhadap fenomena yang luarbiasa.

Setelah kumpulan pertama memeluk Islam, cabaran pertama -----²⁹ Ida'an atau Idan adalah panggilan suku Samah terhadap kumpulan Kadazan/Dusun.

yang mereka hadapi dalam menyebarkan agama Islam ialah kepercayaan tradisional dan budaya kumpulan Kadazan/Dusun yang sangat berbeza dengan ajaran agama Islam. Masyarakat Kadazan/Dusun Ranau pada masa itu masih tebal mengamalkan amalan ilmu hitam atau sindaat³⁰ yang dipercayai mempunyai kuasa sihir yang boleh membawa kuasa penyakit yang sukar diubati dan dikatakan juga boleh membawa maut dalam masa yang singkat tanpa tanda-tanda penyakit yang selalu dikaitkan sebagai penyebab apabila berlaku kematian. Selain daripada itu, terdapat tradisi menuntut ilmu seperti meguku³¹ yang boleh menjadikan seseorang menjadi kebal dan kuat. Namun untuk mencapai kebolehan dan ilmu tersebut terpaksa melalui berbagai rintangan dan pantang larang yang boleh membawa mudarat seperti menjadi sakit, sengsara, gila dan lain-lain lagi jika melanggar pantang-larang yang ditetapkan. Oleh itu penganut Islam terawal di Ranau lebih suka menuntut ilmu yang dibawa oleh Raden Adiniwata yang mana syaratnya hanya dengan memeluk Islam. Dikatakan juga ilmu yang dipelajari daripada Raden Adiniwata boleh menghalang dan mengubati penyakit yang disebabkan oleh ilmu hitam tersebut. Oleh itu terdapat dikalangan kumpulan Kadazan/Dusun pada masa itu memeluk Islam kerana berjaya disembuhkan daripada penyakit. Pada masa itu penduduk yang beragama Islam mula mengenali tangkal-tangkal atau azimat

30 Sindaat ialah sejenis ilmu hitam yang selalu diamalkan oleh kumpulan Kadazan/Dusun yang tinggal di kawasan Sawa Ranau. Ilmu hitam ini dikatakan diterbangkan melalui sebiji telur yang berisi jarum kepada mangsanya.

31 Meguku adalah satu cara untuk mendapatkan kuasa yang luarbiasa.

(jimat) sebagai pelindung daripada kejahatan. Sehingga kini generasi Islam yang pertama di Ranau lebih dikenali sebagai menguhub atau mambakar³².

Kebolehan yang ada pada mereka telah menyebabkan mereka dituduh sebagai penipu kerana cara pengubatan lebih mudah dan berkesan berbanding dengan cara yang dilakukan oleh leholian yang selama ini menjadi bomoh untuk mengubati penyakit. Selain daripada itu kepercayaan terhadap hantu-hantu atau semangat halus yang boleh membawa penyakit yang mencengkam kehidupan kumpulan Kadazan/Dusun Ranau telah ditegur oleh kumpulan ini. Akhirnya mereka ditangkap oleh pihak berkuasa atas tuduhan menipu dan mengenakan bayaran seatas perkhidmatan mereka walaupun sebenarnya bayaran tersebut adalah ikhlas daripada pesakit. Perkara tersebut tanpa usul periksa, pihak tentera Jepun telah membawa mereka ke penjara yang terletak di Keningau dan diseksa disitu. Sewaktu dipenjara wabak penyakit kulit dan berbagai penyakit telah merebak dipenjara tersebut. Orang-orang Islam Ranau yang ditangkap tersebut telah menggunakan kebolehan mereka mengubati penyakit dipenjara tersebut dan pengubatan mereka ternyata berkesan dan beberapa orang askar Jepun juga dapat disembuhkan. Akhirnya pihak Jepun telah membebaskan mereka.

Pada awal 1940an sehingga awal 1950an wabak penyakit telah merebak dikalangan penduduk Ranau. Menurut golongan leholian penyakit tersebut dikatakan disebabkan oleh semangat atau hantu-hantu yang berkeliaran disekitar kawasan

³² Menguhub atau mambakar merujuk kepada penggunaan bara api dan kemenyan semasa menjalankan upacara doa.

kediaman mereka. Hantu-hantu atau semangat tersebut seperti Ragon, Sint-Dalan, Ragang-Matoh dan lain-lain lagi dikatakan telah membawa penyakit kulit, cacar, malaria dan lain-lain penyakit (Harold Allen Blair, 1966:44). Penyakit-penyakit tersebut sukar diubati dengan cara tradisional. Oleh itu pada masa tersebut dikatakan sebagai zaman menerogon. Kematian semakin menjadi-jadi terutamanya dikalangan kanak-kanak dan pada masa tersebut perubatan moden adalah terhad. Golongan bobolian pada masa itu tidak dapat berbuat apa-apa. Ilmu yang mereka miliki tidak dapat menghalang wabak penyakit tersebut. Apabila golongan bobolian mendapati bahawa pengubatan yang dimiliki oleh orang Islam lebih berkesan, ramai dikalangan mereka telah memeluk Islam disamping mempelajari ilmu pengubatan tersebut. Misalnya pada masa tersebut hampir semua penduduk kampung Kundasang mempunyai kebolehan sebagai bobolian dan kesemuanya telah memeluk Islam kerana tidak lagi yakin dengan kuasa Komburongoh³³.

Cara hidup Islam yang dikatakan lebih bersih dan dapat menghindarkan penyakit daripada merebak menjadi faktor penarik untuk menganut agama Islam. Keadaan hidup pada masa itu dikatakan tidak sihat kerana budaya hidup tradisional kumpulan Kadazan/Dusun yang tidak teratur iaitu kebiasaan mereka membiarkan binatang ternakan seperti babi, anjing, ayam dan lain-lain ternakan berkeliaran dikawasan kediaman

33 Komburongoh ialah sejenis tumbuhan yang dikeringkan dan diikat seperti rantai. Ia dipercayai menjadi alat perantaraan semasa bobolian menjalankan tugasnya semasa berhubung dengan makhluk halus.

telah menjadi penyebar kepada penyakit. Ini dapat dilihat dimana bentuk cara hidup tradisional dikatakan tinggal bersama binatang kerana pada masa itu hanya binatang ternakan ayam sahaja yang mempunyai reban manakala binatang ternakan seperti anjing dan babi dibiarkan berkeliaran³⁴. Setelah mereka memeluk Islam keadaan hidup mereka lebih teratur dan dikatakan lebih bersih jika dibandingkan dengan cara hidup mereka dahulu.

Tahap 1930an hingga akhir 1940an merupakan titik permulaan penyebaran Islam. Pengetahuan mereka tentang Islam adalah terhad dimana cara hidup mereka sahaja yang berubah iaitu makanan kebiasaan mereka seperti babi dan makanan yang dilarang oleh Islam ditinggalkan. Ini kerana perkara pertama yang harus ditinggalkan ialah binatang ternakan seperti babi dan sebelum itu mereka diberi kebebasan untuk menghabiskan binatang ternakan tersebut samada dimakan atau dijual sebelum memeluk Islam, oleh itu mereka dikatakan hanya sebagai Islam pada nama sahaja. Manakala golongan pertama yang memeluk Islam tidak dapat memberi pengetahuan Islam kepada orang Islam yang lain kerana pengetahuan mereka terhad kepada perkara-perkara asas dalam Islam seperti sembahyang, puasa dan lain-lain lagi. Oleh itu bilangan penganut Islam terhad kepada sanak-saudara, rakan-rakan atau yang paling dekat dengan golongan yang pertama menerima Islam dan jiran sekampung yang lebih menonjol di beberapa

34 Anjing dan babi dibiarkan berkeliaran dikawasan rumah dan kadangkala di dalam rumah. Najis binatang tersebut bersepadu disana-sini disekitar kawasan rumah.

kawasan tertentu sahaja seperti kampung Ratau, Keranaan dan Tegudon yang terletak berdekatan antara satu sama lain.

Tahap kedua bermula pada tahun 1950an dimana golongan ini mempunyai pengetahuan tentang Islam yang lebih mendalam daripada golongan yang terdahulu. Tugas utama ialah untuk mengajar orang kampung yang diislamkan oleh generasi pertama tentang Islam dengan lebih mendalam. Disamping diberi tugas untuk menyebarkan Islam kepada golongan yang baru masuk Islam tetapi juga usaha untuk menyebarkan kepercayaan Islam kepada bukan Islam. Tahap kedua pengislamahan ini dianggotai oleh mubaligh-mubaligh Islam yang terdiri daripada penduduk tempatan Ranau.

Cabaran pertama yang dihadapi oleh generasi Islam kedua ialah untuk menerapkan ajaran Islam dalam masyarakat Islam yang baru memeluk Islam seperti sembahyang, Fardhu Ain dan lain-lain lagi. Walaupun mereka telah memeluk Islam tetapi masih terikat dengan amalan dan kepercayaan tradisional iaitu mereka hanya meninggalkan kebiasaan memakan babi yang diharamkan oleh Islam. Amalan seperti percaya kepada sihir, hantu masih didapati dalam masyarakat Islam tersebut. Hanya sebahagian kecil yang mengamalkan amalan Islam dengan jujur. Walaupun penyebar-penyebar tersebut berjaya memberi pengetahuan Islam tetapi masih berlaku campuraduk antara ajaran Islam dengan kepercayaan tradisional. Masalah seumpama ini mungkin merupakan masalah peribadi individu yang terpaksa diselesaikannya sendiri.

Cabaran kedua yang terpaksa diterima ialah kekurangan

tenaga mubaligh yang mempunyai asas-asas pengetahuan Islam yang kukuh. Bilangan mubaligh Islam adalah sangat sedikit iaitu tidak sampai 20 orang terutamanya mubaligh yang pernah belajar secara formal dan menamatkan pengajian mereka. Kekurangan tersebut menyebabkan tumpuan mereka terhad kepada saudara baru dan yang telah lama memeluk Islam tetapi tidak mendapat pengetahuan Islam dengan lebih teratur. Manakala kawasan lain tidak dapat dilawati dengan menyeluruh.

Disamping kekurangan tenaga mubaligh, faktor masa yang begitu panjang untuk meyakinkan seseorang untuk menganut agama ini. Faktor perhubungan juga melambatkan proses penyebaran Islam ke kawasan pedalaman. Pada keseluruhan di daerah Ranau pada masa itu, kemudahan infrastruktur seperti jalanraya belum wujud, hanya selepas tahun 1960an beberapa jalanraya tanah merah dibina disekitar pekan Ranau, bahkan jalanraya Kota Kinabalu ke Ranau hanya dapat disempurnakan dalam akhir tahun 1970an dan siap sepenuhnya pada awal 1980an, oleh itu para mubaligh terpaksa berjalan selama beberapa hari untuk mencapai destinasi yang dituju.

Cabarannya ketiga yang dihadapi ialah kemunculan missionari-missionari Kristian yang berbangsa kulit putih pada awal 1950an dan 1960an. Pertandingan untuk menarik beberapa ramai penganut masing-masing dikalangan penduduk yang masih mengamalkan kepercayaan tradisional telah cuba memperlihatkan kelebihan masing-masing yang sedikit sebanyak telah menimbulkan salah faham. Namun begitu tidak wujud masalah serius antara kedua-dua pihak.

Pada tahap kedua tersebut, semakin ramai penduduk menganut Islam secara sukarela iaitu tidak lagi didorong oleh masalah wabak penyakit. Wabak penyakit semakin berkurangan selepas akhir 1950an dimana perubatan moden telah diperkenalkan dikawasan Ranau. Pengislaman pada tahap ini lebih didorong oleh keistimewaan agama Islam itu sendiri disamping faktor tarikan daripada orang yang lebih dahulu memeluk Islam. Mereka tertarik dengan cara hidup Islam yang lebih teratur dan dikatakan lebih bersih berbanding dengan cara hidup lama atau tradisional.

Selepas tahap kedua, pengislaman diambil alih oleh parti politik. Pada tahap 1967 - 1975, pengislaman secara beramai-ramai diambil alih oleh pertubuhan USIA yang didokong oleh parti USNO. Ramai saudara baru telah memeluk agama Islam pada tahap tersebut. Agama telah dipolitikkan disamping pemberian ganjaran kepada saudara baru. Kerajaan USNO telah mengenakan beberapa syarat kepada sesiapa yang ingin menjadi ahli parti USNO, salah satu syarat tersebut ialah mesti menganut Islam dahulu dan akan diberikan kemudahan seperti pakaian sembahyang, wang dan lain-lain lagi. Pada tahap tersebut dasar pengislaman beramai-ramai telah dijalankan disetiap kawasan di daerah Ranau. Ramai penduduk pedalaman di daerah Ranau telah menjadi saudara baru, misalnya di kawasan Bundu Tuhan dikatakan seramai lebih kurang 200 orang samada beragama Kristian atau agama tradisional telah memeluk Islam semasa pengislaman beramai-ramai dilakukan oleh pertubuhan USIA pada tahun 1972. Namun

begitu saudara baru tersebut hanya Islam pada nama sahaja kerana tindakan susulan tidak diusahakan oleh pihak USIA iaitu tidak memberikan pengetahuan Islam kepada saudara baru tersebut. Akibatnya setelah kerajaan USNO kalah dalam pilihanraya negeri 1975, saudara-saudara baru tersebut telah kembali kepada agama asal mereka. Sehingga kini, hampir kesemua daripada 200 orang saudara baru dikawasan Bundu Tuhan tersebut telah kembali kepada agama asal mereka iaitu agama Kristian dan agama tradisional.

Selepas 1976, kerajaan BERJAYA telah menukuhkan MUIS sebagai alternatif kepada penubuhan USIA. Dasar MUIS iaitu melanjutkan dasar pengislaman beramai juga mengalami nasib yang sama seperti pertubuhan USIA. Pengislaman beramai-ramai terutamanya dikawasan pedalaman Ranau tidak berhasil kerana ramai saudara baru yang diislamkan dikatakan hanya tertarik kepada pemberian ganjaran dan wang apabila memeluk Islam. Fenomena ini dapat dilihat dimana dikatakan terdapat saudara baru yang pernah mengikuti program pengislaman beramai-ramai sebanyak tiga kali. Selain daripada itu, tindakan susulan untuk menerapkan Islam kepada saudara baru tersebut kurang dijalankan. Namun begitu dasar pengislaman beramai-ramai tersebut tidak gagal sama sekali iaitu masih terdapat dikalangan mereka yang masih tetap dengan agama Islam. Segelintir masyarakat Ranau mempercayai bahawa seseorang yang bertukar agama sebanyak tiga kali atau lebih akan

menjadi hantu bankit³⁵ setelah mereka meninggal dunia.

4.3.2 UNSUR-UNSUR SINKERTISME DALAM MASYARAKAT ISLAM RANAU

Konsep sinkertisme menurut Norazit Selat (1986:129)

telah digunakan pertama kalinya sebagai satu usaha untuk menyatukan agama Kristian yang berbagai bentuknya. Pada masa ini konsep tersebut telah digunakan kepada penyatuan sistem kepercayaan agama tempatan dengan institusi agama Kristian di negeri yang pernah dijajah. Konsep sinkertisme ini tidak terbatas kepada agama Kristian. Proses sinkertisme boleh juga didapati didalam agama Islam yang diamalkan di Malaysia.

Masyarakat Islam Ranau juga tidak lari daripada unsur unsur sinkertisme. Pada awal penerimaan Islam, masyarakat Islam Ranau didedahkan kepada campur aduk antara ayat-ayat Al-Quran dengan bahasa Jawa. Unsur jawa yang terdapat dalam beberapa bacaan jampi serapah semasa mengubati seseorang atau lain-lain tujuan adalah dibawa dan seterusnya dipelajari oleh penduduk Islam Ranau daripada pengembang-pengembang Islam yang berasal daripada Indonesia.

Kumpulan pertama yang memeluk Islam di Ranau diislamkan oleh pengembang-pengembang Islam daripada Indonesia. Oleh itu mereka juga mempelajari bacaan-bacaan daripada pengembang agama Islam tersebut yang sedikit sebanyak percampur aduk dengan bahasa mereka. Misalnya semasa

³⁵ Hantu bankit ialah sejenis hantu yang berasal daripada manusia setelah meninggal dunia. Jasadnya tidak diterima oleh tanah dan rohnya akan berkeliaran didunia.

upacara **mambakar** mengandungi bahasa tempatan dengan ayat-ayat Al-Quran. Selain daripada itu terdapat berbagai amalan yang dipelajari daripada pengembang-pengembang Islam daripada luar telah diamalkan oleh penduduk Islam di Ranau seperti mandi **Safar** dan berbagai lagi unsur-unsur campur aduk dengan budaya tempatan. Namun begitu pada hari ini unsur-unsur tersebut telah ditentang dan dihapuskan oleh golongan Islam yang lebih muda.

Pertentangan antara golongan tua Islam yang lebih dikenali sebagai Islam **Lobou**³⁶ dengan golongan muda yang lebih radikal telah mewujudkan jurang antara mereka. Golongan tua tetap berpegang kepada tradisi Islam yang mereka pelajari daripada pengembang-pengembang Indonesia manakala golongan muda menganggap mereka sebagai generasi tua yang kolot. Golongan muda pula mendapat pendidikan Islam daripada Semenanjung Malaysia. Perbezaan pendapat antara golongan tua dan muda telah menyebabkan golongan tua menyisihkan diri mereka daripada golongan muda. Namun begitu golongan yang tergolong dalam golongan tua pada hari ini semakin sedikit dimana sebahagian besar daripada mereka mengubah pendirian dengan berlembut dengan golongan muda.

4.4. AGAMA KRISTIAN ALIRAN ROMAN KATOLIK (R.C)

Sejarah kedatangan agama Kristian aliran Roman Katolik di Sabah tidak dapat dipastikan dengan tepat. Menurut K.M.

³⁶ Lobou merujuk kepada orang yang diislamkan di kawasan Lobou yang terletak diantara Inanam dan Menggatal. Kumpulan ini dikatakan mengamalkan Islam secara kuno tanpa menerima perubahan-perubahan semasa.

George (Tanpa Tarikh:3) tarikh sebenar kedatangan missionari Eropah ke Borneo adalah tidak jelas. Kedatangan Kristian ke Sabah selalu dikaitkan dengan kedatangan penjajah Barat ke Timur. Kedatangan bangsa Portugis dan Sepanyol ke Timur merupakan titik permulaan kedatangan agama Kristian ke Asia Tenggara. Missionari Kristian R.C. yang pertama sekali datang ke Borneo ialah seorang yang berbangsa Portugis pada tahun 1550 daripada Goa. Manakala seorang bangsa Itali telah sampai ke Borneo pada awal abad ke 18 iaitu Father Vettimiglia yang telah belayar bersama pelayar Portugis ke Banjarmasin (C.W. Keasberry 1897 : 317)

Sehingga pertengahan abad ke 17 tiada missionari Sepanyol beroperasi secara langsung di Borneo. Pada tahun 1855 seorang berbangsa Sepanyol iaitu Don Carlos Quateron telah sampai ke Pulau Labuan dan tinggal disitu sehingga 1879. Beliau dikenali sebagai Monsignor³⁷ Quarteron, beliau pada mulanya adalah seorang pelayar dan akhirnya telah menjadi pengembang agama Kristian. Semasa berada di Labuan, Quateron telah meminta kepada Milan Foreign Missions Society³⁸ supaya menghantar mubaligh-mubaligh ke Sabah untuk membantunya. Pada tahun 1857, seramai empat orang mubaligh berbangsa Itali dihantar ke Sabah. Pulau Labuan dijadikan sebagai pusat gerakan missionari di Borneo. Namun begitu, pada tahun 1860, kesemua mubaligh tersebut telah dipindahkan

37 Monsignor ialah gelaran khas kepada mubaligh-mubaligh Kristian.

38 Milan Foreign Missions Society ialah pertubuhan agama Kristian Katolik yang bertugas menguruskan gerakan-gerakan mission ke luar negeri yang berpusat di Sepanyol.

ke Hong Kong oleh ketua mubaligh dalam Milan Foreign Missions Society untuk berkhidmat disana. Pada tahun 1879 Quateron telah jatuh sakit lalu kembali ke Rome. Beliau kemudian meminta Prefecturenya³⁹ supaya menghantar penggantinya ke Sabah untuk meneruskan kegiatan-kegiatan mission (L.M. Parson, 1966:168 - 169).

Pada tahun 1881, seorang lagi mubaligh yang berasal dari British iaitu Fr. Thomas Jackson telah datang ke Sabah. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Prefect Apostolic untuk mengantikan tempat yang ditinggalkan oleh Quateron. Selepas itu tiga orang lagi mubaligh, Mill Hill⁴⁰ iaitu Father Gossens, Fr. Edmund Dunn dan Fr. Daniel Kilty yang sampai ke Labuan pada 24hb Ogos 1881 untuk membantu Fr. Jackson dalam gerakan missionari di Borneo. Fr. Gossens kemudiannya menetap di Kuching dan Fr. Kilty menetap di Labuan. Fr. Dunn pula menetap di Kanowit. Seterusnya Fr. Kilty berpindah ke Papar dan mendirikan sebuah gereja yang pertama di Sabah pada tahun 1881 (L.M. Parson, 1966:141).

Pada 29hb Sept. 1882, dua orang lagi mubaligh telah dibawakan ke Sabah oleh Mill Hill. Seterusnya kedatangan mereka diikuti oleh dua orang mubaligh Mill Hill yang lain iaitu Fr. A. Prenger dan Fr. A. Haidegger. Pada tahun 1884,

³⁹ Prefecture ialah gelaran untuk penguasa dalam persatuan atau badan-badan agama.

⁴⁰ Mill Hill adalah nama persatuan agama Kristian R.C dengan nama penuhnya St. Joseph's Foreign Missionary Society of Mill Hill yang berpusat di London. Juga menguruskan gerakan missionari keluar negeri.

Fr. Byron, Subdeacon⁴¹ dan Brother⁴² Theodore Wagner telah sampai ke Sabah dan diikuti pula oleh Fr. A. Reyffert dan Fr. F. Westerwoudt pada tahun 1885. Pada ketika itu terdapat tujuh pusat utama bagi gerakan missionari Kristian Katolik di Borneo iaitu di Kuching, Singli, Kanowit, Labuan, Putatan, Bundu Kuala Penyu dan Sandakan. Antara tahun 1885 - 1895, enam orang mubaligh dan seorang 'lay Brother'⁴³ telah dihantar ke Sabah (John Rooney, 1981:33).

Selain daripada mubaligh lelaki, peranan wanita adalah penting dalam perkembangan missionari di Sabah. Pada tahun 1885, Fr. Jackson telah menjemput lima orang White Sister dari Mill Hill Franciscan Missionary of St. Joseph datang ke Sabah dan kemudiannya menjadi pengasas kepada sekolah perempuan di Sandakan pada tahun 1891. White Sister merupakan rahib-rahib wanita yang bertugas sebagai pendidik di sekolah-sekolah mission dan juga melakukan kerja-kerja amal seperti membantu orang-orang miskin, merawat orang sakit serta memberikan pendidikan secara percuma kepada kanak-kanak yang datang dari keluarga yang miskin (Catholic Sabah January 1981).

4.5 KEDATANGAN KRISTIAN R.C. DI RANAU

Kedatangan Kristian R.C di Ranau berkaitan dengan

41 Subdeacon ialah mubaligh yang membantu Deacon. Deacon bertugas membantu Father dalam urusan gereja.

42 Brother ialah penyebar Kristian tapi tugas tumpuan ialah mengajar sekolah-sekolah mission serta hal-hal kebajikan komuniti Kristian.

43 Laybrother adalah membantu tugas-tugas Brother tetapi tidak punya latihan khusus sebagai mubaligh.

kedatangan beberapa orang missionari ke Sabah pada tahun 1880an. Mereka terdiri daripada Fr. Jackson bersama Fr. Kilty yang telah memulakan penjelajahan ke seluruh Sabah yang lebih dikenali sebagai 'Borneo Explorer'. Fr. Jackson dan Fr. Kilty memulakan perjalanan mereka daripada Labuan ke Pulau Gaya kemudian ke Papar dan seterusnya ke Sandakan. Semasa berada di Papar Fr. Kilty telah menetap disitu manakala Fr. Jackson meneruskan perjalanan ke Sandakan. Semasa dalam perjalanan menuju ke Sandakan, Fr. Jackson telah berjumpa dengan Dintas iaitu seorang Dusun yang seterusnya menunjukkan jalan menuju ke satu kawasan antara Teginambur dan Bundu Tuhan (John Rooney, 1981:32). Kedatangan Fr. Jackson ke kawasan tersebut merupakan titik permulaan kedatangan missionari di Ranau.

Pengembaraan tersebut merupakan perintis awal dalam perkembangan agama Kristian R.C. di kawasan Pedalaman Sabah. Walaubagaimanapun selepas pengembaraan itu, tiada lagi tindakan seterusnya daripada missionari Kristian R.C. yang lain sehingga tahun 1950an. Hanya selepas perang dunia kedua iaitu pada zaman pendudukan tentera British di Sabah missionari Kristian R.C. telah memulakan pergerakan mereka ke Ulu Ranau, Kota Belud, Bandau dan sepanjang Labuk Sugut. Kedatangan missionari ini merupakan rintisan daripada penjelajahan awal dan kedatangan pada kali ini lebih bermakna dimana missionari tersebut telah menetap di kawasan-kawasan tersebut. Mereka telah membina pusat penyebaran Kristian R.C. di Bundu Tuhan yang menjadi salah

satu pusat penyebaran terpenting diantara pusat-pusat penyebaran yang terdapat di sepanjang jalan antara Jesselton (Kota Kinabalu) - Tuaran dan Ranau (John Rooney 1981:115). Perkembangan ini adalah diusahakan oleh Fr. James Buis yang dilantik pada 18hb Jun 1947 sebagai ketua pasukan bagi Borneo Utara. Perkembangan hebat berlaku dimana tumpuan penyebaran meliputi dijalan-jalan Jesselton - Tuaran - Ranau dengan membina stesen-stesen diInanam, Telipok, Tuaran, Bundu Tuhan dan Ranau (John Rooney, 1981:69).

Selepas tempoh pertapakan missionari antara awal tahun 1950an hingga pertengahan tahun tersebut kedudukan agama Kristian bertambah kukuh. Pada 6hb April 1956 dimana tiga orang pengembang agama iaitu Fr. Roetenberg, Br. Everard Jasman dan Br. Benedict Snoeren tiba di Bundu Tuhan mendirikan gereja R.C. disitu. Selepas itu seorang paderi berbangsa Jerman telah tiba di Bundu Tuhan dan menjadi paderi di situ daripada 1961 - 1963 dan berpindah ke Ranau sebagai paderi daripada 1964 - 1976. Pengembang agama ini telah menjadi tulang belakang kepada penyebaran agama Kristian R.C. dikawasan Ranau antara tahun 1950an hingga 1970an.

Bermula daripada 1980an hingga sekarang, peranan pengembang agama yang terdiri daripada penduduk tempatan mula kelihatan tetapi kebanyakannya hanya bertindak sebagai katekis⁴⁴ dan amat kurang yang memegang jawatan sebagai

⁴⁴ Katekis ialah mualigh Kristian dikalangan penduduk tempatan yang menjaga gereja dan umat Kristian tetapi tidak mempunyai kebolehan seperti paderi.

paderi atau lain-lain peranan yang lebih tinggi. Masalah tersebut adalah disebabkan oleh kurangnya perhatian dikalangan penduduk tempatan terhadap jawatan-jawatan tersebut tambahan pula pendidikan dari segi ajaran Kristian R.C. amat kurang dikalangan penduduk tempatan khususnya dikalangan kumpulan Kadazan/Dusun. Kesannya, peranan dikalangan penduduk tempatan adalah tidak menonjol berbanding dengan peranan yang dimainkan oleh bangsa lain seperti bangsa kulit putih, Cina dan lain-lain lagi walaupun peluang amat terbuka kepada penduduk tempatan.

4.5.1 CARA PENYEBARAN, PENERIMAAN DAN RINTANGAN DALAM MENGEGBANGKAN AGAMA KRISTIAN

Penerimaan agama Kristian R.C. dikalangan penduduk kumpulan Kadazan/Dusun Ranau berlaku secara perlahan-lahan dengan mengambil masa yang panjang. Bermula daripada kedatangan pengembang-pengambang sehingga sekarang proses pengkristianan masih terus berjalan. Cara penyebaran agama Kristian R.C. di Sabah dan di Ranau banyak dipengaruhi oleh penubuhan-penubuhan institusi pendidikan. Melalui institusi pendidikan secara perlahan-lahan ajaran Kristian R.C. diserapkan dikalangan pelajar-pelajarnya. Dalam hal ini mission-mission didirikan berserta dengan sekolah. Kaum Bumiputera dikawasan tersebut iaitu kumpulan Kadazan/Dusun digalakkan untuk mendapat pendidikan. Kedatangan missionari Kristian R.C. di Bundu Tuhan misalnya telah menubuhkan sebuah sekolah iaitu S.R.J.K. Don Bosco di Bundu Tuhan dan

di Ranau terdapat S.R.J.K. St Benedict⁴⁵.

Melalui institusi pendidikan mubaligh Kristian R.C. menyebarkan ajaran agama mereka dikalangan penduduk tempatan. Dasar penyebaran melalui institusi pendidikan telah menjadi cara utama penyebaran agama Kristian R.C. sejak kedatangan missionari-missionari ke Sabah. Selain daripada itu mereka telah memegang pegangan supaya berdamai dan memelihara perasaan persahabatan dengan orang-orang tempatan dan telah menjadi pedoman penting kepada mubaligh-mubaligh yang berada di Sabah dan yang akan datang kemudian. Pegangan tersebut telah dijalankan oleh Overbeck⁴⁶ kepada William Pryer selaku Residen pertama di Sandakan pada 11 Februari 1878 (K.G Tregonning 1967:103) dimana telah menjadi pegangan kepada golongan pentadbir Eropah termasuk mubaligh Kristian. Kedatang tersebut banyak berkaitan dengan kenyataan Fr. Jackson kepada William Hood Treacher⁴⁷ yang bermaksud, "Kami (mubaligh) adalah bertujuan berkhidmat untuk penduduk North Borneo dengan cara memperkenalkan pembaharuan-pembaharuan serta tunjuk ajar setelah memahami bahasa dan kebiasaan-kebiasaan orang tempatan dengan cara menyediakan sekolah-sekolah kepada anak-anak tempatan" (John Rooney, 1981:136).

Mubaligh-mubaligh telah menggunakan beberapa pendekatan dalam usaha mereka memberikan pembaharuan dan tunjuk ajar kepada masyarakat tempatan. Untuk itu mubaligh-mubaligh

⁴⁵ Pada masa kini sekolah jenis kebangsaan telah dimansuhkan.

⁴⁶ Overbeck ialah pemegang amanah Chartered Company.

⁴⁷ William Hood Treacher ialah Gabenor pertama North Borneo.

mempermenalkan beberapa aspek galakan pendidikan asas seperti berkenaan kesihatan, moral, kebersihan rohani dan kerajinan. Menurut Charles Bruce (1924:247) mubaligh-mubaligh menggunakan pendekatan tersebut dan selepas itu mereka mula menyerapkan ajaran agama umumnya asas-asas agama Kristian R.C. secara perlahan-lahan kedalam kehidupan masyarakat tempatan. Bagi memudahkan komunikasi dengan masyarakat tempatan mubaligh-mubaligh mempelajari dan menggunakan bahasa tempatan semasa menyampaikan asas-asas pendidikan tersebut (Owen Rutter 1922:340). Kemahiran menggunakan bahasa tempatan memudahkan para mubaligh menyerapkan ajaran agama dikalangan anak-anak tempatan yang datang bersekolah di sekolah-sekolah mission. Ini bererti secara tidak langsung pemberitahuan tentang ajaran agama Kristian disalurkan kepada anak-anak tempatan dan seterusnya anak-anak tempatan pula akan menghabarkan berita tersebut kepada ibu bapa mereka. Adalah lebih berpengaruh jika anak-anak tempatan tersebut merupakan abang atau anak sulong dalam sesebuah keluarga.

Selain daripada mempelajari bahasa tempatan, mubaligh juga mempelajari budaya tempatan. Dalam usaha itu mubaligh terpaksa tinggal bersama-sama dengan masyarakat tempatan untuk mengetahui dengan lebih dekat tentang cara hidup masyarakat di situ. Pengetahuan tentang budaya tempatan membolehkan para mubaligh menyesuaikan ajaran Kristian dengan budaya tempatan sebagai cara pendekatan yang amat berkesan untuk penyebaran ajaran mereka. Penyesuaian

tersebut merupakan penyatuan sistem kepercayaan dan agama tempatan dengan institusi dan agama Islam. Dalam hal ini, wujud unsur sinkertisme dalam agama Kristian (akan dibincang di bahagian 4.5.2 nanti).

Dalam menyesuaikan diri mubaligh dengan penduduk tempatan mereka menjalani hidup yang sederhana dan bergaul rapat dengan masyarakat Kadazan/Dusun di kawasan ini. Ini bertujuan menyakinkan masyarakat terhadap kebaikan yang dibawa oleh Kristian. Oleh itu dengan cara yang sebaik-baiknya menyampaikan dan menerangkan tentang perbezaan fahaman tempatan dengan unsur-unsur agama dan mengesyorkan masyarakat tempatan supaya memeluk agama Kristian sebagai landasan hidup yang akan melahirkan manusia yang beragama.

Kedatangan para mubaligh adalah membawa teknologi yang dicapai di negara mereka seperti dalam bidang perubatan moden. Pada tahun 1960an wabak penyakit seperti malaria merupakan satu penyakit yang sangat ditakuti oleh penduduk tempatan. Selain daripada ¹⁴ terdapat penyakit kulit yang selalu menyerang terutamanya kanak-kanak. Keadaan ini disedari oleh para mubaligh yang membekalkan ubat-ubatan moden kepada penduduk tempatan. Para mubaligh terpaksa menggunakan berbagai cara untuk memperkenalkan ubatan tersebut kepada masyarakat tempatan, namun begitu pengenalan ubat-ubatan tersebut kurang diterima oleh masyarakat tempatan. Oleh itu para mubaligh menumpukan perhatian kepada kanak-kanak dengan memujuk kanak-kanak tersebut bahawa ubat-ubatan itu sedap dan manis. Cara ini agak berjaya dimana

masyarakat tempatan lebih yakin terhadap kehadiran mereka dan seterusnya membenarkan penyebaran ajaran Kristian.

Matlamat-matlamat awal golongan mubaligh adalah untuk memperkenalkan teknologi moden kepada masyarakat tempatan dan seterusnya mengubah corak hidup mereka daripada tradisional kepada moden. Dalam tahun 1954 dan 1955 mission Katholik telah melibat diri dalam pembangunan pertanian luar bandar yang mula-mula dibuka di Bundu Tuhan dalam tahun 1955. Usaha tersebut telah ditangani oleh Fr. Roetenberg sebagai Pengarah dan dibantu oleh 2 orang brother iaitu Br. Benedict Snoeren sebagai tukang kayu dan mekanik dan Br. John Hoekstra dalam bidang pemasaran (John Rooney 1981:166). Namun begitu hanya sebilangan kecil sahaja penduduk tempatan yang menyahut pengenalan tersebut. Ini kerana penduduk tempatan hanya bertindak sebagai pekerja dan tambahan lagi kurang memahami bahawa tujuan mubaligh-mubaligh tersebut adalah untuk memajukan masyarakat dengan memperkenalkan teknologi moden seterusnya diamalkan oleh penduduk tempatan. Sehingga hari ini kegiatan penanaman sayur-sayuran hanya agak pesat dijalankan dikawasan yang berdekatan dengan jalan utama yang berdekatan dengan gereja. Ini menunjukkan penerimaan dikalangan penduduk tempatan adalah tidak menyeluruh. Penubuhan-penubuhan koperasi yang berkaitan dengan urusniaga mendapat sambutan yang agak menggalakkan dikalangan penduduk di Bundu Tuhan di mana pada hari ini setiap bahagian kampung tersebut telah menukuhkan koperasi masing-masing. Ini menunjukkan masyarakat semakin dekat dan

mudah bergaul dengan golongan gereja.

Walaupun beberapa pembaharuan telah dibawa oleh mubaligh Kristian tetapi pertentangan antara ajaran Kristian dan budaya tradisional sukar diatasi. Dalam sistem kepercayaan tradisional mereka masih mempercayai hantu, semangat dan lain-lain perkara yang tidak bersesuaian lagi dengan cara hidup moden. Oleh itu sambutan dikalangan masyarakat tempatan adalah tidak menggalakkan. Masyarakat tempatan menganggap ajaran Kristian sebagai membahayakan kerana akan mengubah dan menghapuskan pandangan hidup mereka yang telah lama dipraktikkan. Menurut John Rooney (1981:136) bahawa masyarakat tempatan menganggap sesuatu agama yang bertentangan dengan fahaman animisme mereka adalah terlalu abstrak untuk diaplikasikan kedalam kehidupan mereka. Maka para mubaligh terpaksa menerapkan ajaran mereka secara perlahan-lahan tanpa menimbulkan konflik dengan penduduk tempatan. Oleh itu ajaran Kristian terpaksa disesuaikan dengan adat dan sistem kepercayaan tradisional.

Peranan para mubaligh yang berbangsa kulit putih adalah penting namun begitu pada hari ini peranan penduduk tempatan sendiri semakin penting. Pertambahan dikalangan penduduk tempatan yang menceburi dalam bidang penyebaran kristian R.C. telah mewujudkan satu kelompok yang aktif. Fenomena ini dapat dilihat dengan pertambahan bilangan gereja yang semakin pesat dimana setiap kampung atau hamlet yang dihuni oleh majoriti beragama Kristian mempunyai bangunan tempat sembahyang yang biasanya akan diketuai oleh penduduk

tempatan sendiri. Perkara utama yang ditekankan oleh golongan ini ialah menerapkan fahaman ajaran Kristian supaya lebih teguh di kalangan penganut Kristian disamping menyampaikan ajaran tersebut kepada orang ramai yang belum penganut apa-apa agama.

Pada tahap 1980an perkembangan teknologi komunikasi semakin ketara terutamanya dalam bidang penyebaran melalui surat-surat, buku-buku atau risalah-risalah dan kaset-kaset semada daripada dalam negeri atau luar negeri seperti dari negara Indonesia yang mengandungi berita-berita dan lain-lain maklumat mengenai Kristian kepada orang ramai. Media-media cetak dan agen-agen penyebaran tersebut biasanya diedarkan pada hari perhimpunan keagamaan pada hari Ahad. Perkembangan tersebut menunjukkan perubahan kepada era baru dalam bidang komunikasi secara lisan adalah cara komunikasi yang dominan tetapi pada hari ini telah bergerak seiring dengan perubahan media-media penyebaran yang lain.

4.5.2 UNSUR-UNSUR SINKETISME DALAM AGAMA KRISTIAN R.C.

Unsur-unsur sinketisme dalam agama Kristian R.C telah menjadi identiti kepada masyarakat Kristian R.C di daerah Panau. Penyatuan diantara kepercayaan tradisional dan Kristian R.C. adalah satu perkara biasa bagi masyarakat disini kerana masih terdapat dikalangan penganut agama tersebut terikat dengan budaya atau kepercayaan tempatan. Tambahan pula dalam agama Kristian R.C tidak terdapat larangan-larangan yang tegas dalam segala aktiviti mereka

iaitu tindakan mereka bergantung kepada penafsiran sendiri samada mahu melakukannya atau tidak. Misalnya, dalam agama Kristian R.C tidak terdapat larangan untuk minum minuman keras tetapi tidak digalakkan sehingga mabuk, oleh itu individu boleh melakukan perkara tersebut mengikut semahuannya kerana tidak terdapat larangan atau hukuman dalam bentuk dosa.

Dalam beberapa budaya tradisional, unsur-unsur penyatuan antara budaya tersebut dengan agama Kristian R.C dapat dilihat iaitu semasa pesta-menuai, upacara misa kudus⁴⁸ diadakan khas untuk pesta-menuai. Dalam upacara tersebut individu akan membawa tangkai padi untuk diberkati oleh paderi dan disertai dengan upacara lain seperti memukul gong, tarian dan lain-lain lagi unsur-unsur tradisional. Disini dapat dilihat terdapat ubahsuai idea-idea dan nilai-nilai tradisi kedalam agama Kristian R.C. Aktiviti seumpama itu digalakkan kerana sesuatu yang berkepentingan boleh dimasukkan kedalam misa kudus asalkan selaras dengan dasar-dasar semangat liturgi atau misa kudus. Selain daripada itu pernah berlaku penyatuan diantara tuhan agama tradisional dengan tuhan agama Kristian. Penyatuan tersebut dikenali sebagai pepisalamon iaitu tuhan agama tradisional didamaikan dengan tuhan agama Kristian⁴⁹. Namun begitu usaha-usaha tersebut terhenti setelah mendapat pertanganan individu atau kelompok yang tidak bersetuju dengan usaha tersebut.

⁴⁸ Misa Kudus ialah upacara sembahyang beramai-ramai di gereja.

⁴⁹ Usaha penyatuan tersebut dikatakan menggunakan kemburongoh untuk berhubung dengan tuhan agama Kristian.

Pada keseluruhannya masyarakat beragama Kristian R.C didaerah Ranau masih mencampuradukkan budaya dan kepercayaan tradisional kedalam agama Kristian terutamanya golongan yang sukar memisahkan dirinya daripada budaya dan kepercayaan tempatan.

A.6 KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, kedatangan agama Islam dan agama Kristian didaerah Ranau telah melahirkan berbagai corak hidup dalam masyarakat Kadazan/Dusun. Kepelbagaian tersebut adalah disebabkan oleh pertembungan antara budaya dan kepercayaan tradisional dengan agama Islam atau Kristian. Melalui kebolehan yang dimiliki oleh mubaligh-mubaligh Islam dan Kristian, masyarakat Ranau telah menuju kesatu era yang sangat berbeza dengan era sebelumnya. Penyebaran melalui berbagai proses seperti pergaulan, pendakwahan secara formal atau tidak formal, misi pendidikan dan lain-lain lagi oleh mubaligh agama Islam dan Kristian telah mewujudkan masyarakat berbilang dari segi agama didaerah Ranau.

Kepelbagaian anutan agama dikalangan masyarakat Ranau telah melahirkan beberapa istilah berhubung dengan agama-agama tersebut seperti 'Krislam' yang merujuk kepada penyatuan atau penyingkatan perkataan Islam dan Kristian. Selain daripada itu terdapat istilah 'Krislampir' iaitu penyatuan perkataan Kristian, Islam dan kapir (tidak beragama). Istilah-istilah tersebut terhasil akibat daripada sikap masyarakat yang suka menafsirkan sesuatu fenomena

secara humor. Istilah tersebut ditujukan secara humor kepada individu atau kelompok yang berkedudukan 'atas pagar' dalam agama iaitu biasanya seseorang yang belum memeluk apa-apa agama akan bebas bergaul dengan penganut agama Islam atau agama Kristian kerana individu tersebut dapat menyesuaikan diri dengan cara pemakanan dan kehidupan penganut kedua-dua agama.

Kewujudan masyarakat berbilang dari segi agama dalam masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun Ranau adalah sangat berbeza dengan masyarakat lain terutamanya diluar negeri Sabah. Oleh itu adalah perlu untuk melihat hubungan atau interaksi antara penganut agama tersebut dalam konteks daerah Ranau.(Hubungan atau interaksi antara penganut agama akan dibincangkan dalam bab seterusnya).